



**ANUGERAH:** Abdul Majid dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Perludangan Hutan) sempena Majlis Konvokesyen UMS.

# Tokoh politik terima Ijazah kehormat sempena Konvokesyen UMS

UB 15.12.2023 P.03

**KOTA KINABALU:** Tokoh politik dan korporat tempatan Tan Sri Abdul Majid Khan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Perludangan Hutan) sempena Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-25.

Pengurniaan Ijazah Kehormat itu disampaikan oleh Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor pada sidang kedua konvokeyan UMS.

Dilahirkan di Kudat pada 15 Disember 1943, Abdul Majid adalah seorang usahawan yang berpengalaman luas dalam bidang perbankan, korporat, perludangan, politik dan perkhidmatan awam.

Beliau memegang pelbagai jawatan penting dalam bidang politik dan perkhidmatan awam, termasuk dilantik sebagai ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dari 1981 hingga 1985, selain turut diberi kepercayaan menggalas tanggungjawab sebagai Duta Besar Malaysia ke Iraq 2010-2013.

Pelantikan berkenaan atas kejayaan beliau melebarkan sayap perniagaan sehingga ke luar negara seperti di timur tengah dan Afrika bagi perda-

gangan kelapa sawit, papan lapis dan kayu gergaji.

Dalam bidang perniagaan, beliau pernah mengorak langkah ke Indonesia untuk mencebur diri ke dalam perusahaan kayu balak serta perusahaan perhotelan di Balikpapan, sebelum kembali semula ke Sabah pada 1976 bagi mencari peluang perniagaan dan pelaburan.

Perniagaan yang diusahakannya berkembang luas dan antaranya adalah dengan penubuhan sebuah syarikat perludangan iaitu Jawala Plantation Industries Sdn. Bhd. (JPISB), anak Syarikat Jawala Inc. yang tersenarai di Singapore Stock Exchange (SGX), sebuah syarikat sumber hutan yang memfokus kepada perludangan hutan lestari di Sabah.

Sumbangan pihak JPISB dalam memperkasakan pengajian tinggi adalah dengan menyokong pendekatan baharu UMS yang memperkenalkan 'Living Lab', iaitu menyediakan kawasan lapangan untuk pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan kepada pelajar.

Pihak Fakulti Perhutanan Tropika (FPT) khususnya menjalin hubungan kerjasama

dengan JPISB yang antara lain meliputi perbelanjaan sebanyak RM1.3 juta untuk membina kemudahan seperti asrama dan tempat kuliah bagi pelajar FPT menjalankan latihan industri di Jawala 'Forestry Living Lab'.

Menerusi perniagaan beliau juga kira-kira 400 peluang pekerjaan diwujudkan yang memberi banyak manfaat kepada penduduk sekitar, selain penambahbaikan fasiliti pengajaran di sekolah-sekolah berhampiran termasuk bekalan air dan tandas, serta kampung berhampiran mendapat bekalan air graviti.

Dalam pada itu, beliau ketika menyampaikan ucapan basah berharap sektor perhutanan berkembang dengan menyediakan pekerjaan, kemahiran dan mata pencarian kepada penduduk luar bandar yang boleh hidup selesa dengan menyediakan pendidikan yang sangat diperlukan untuk anak-anak dan generasi masa depan.

Penggunaan dan penggabungan teknologi moden dalam sektor kayu katanya perlu direalisasikan untuk memacu Sabah menjadi pemain global utama dalam industri.